

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SELANGOR)

TARIKH: 10 OGOS 2017

MUKA SURAT: 35

## 10 PBT Selangor terima penarafan lima bintang

**SHAH ALAM** - Sebanyak 10 daripada 12 PBT Selangor memperoleh penarafan lima bintang dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar Selangor, Yin Shao Loong berkata, PBT Selangor yang mendapat penarafan lima bintang adalah Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Daerah Kuala Selangor.

"Penarafan cemerlang oleh KPKT membuktikan prestasi memberangsangkan PBT di bawah Kerajaan Selangor, se-

jajar dengan hasil tinjauan 'Merdeka Centre for Opinion Research' yang mendapati 74 peratus responden berpuas hati dengan prestasi PBT di Selangor.

"Kerajaan Selangor akan terus meningkatkan mutu penyampaian dan perkhidmatan PBT demi mengangkat martabat rakyatnya," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, dua lagi PBT Selangor iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam pula hanya mendapat penarafan empat bintang.

Sementara itu, Shao Loong memberitahu penarafan dibuat berdasarkan keputusan penggredan sistem penarafan bintang pihak berkuasa tempatan (SPB-PBT) Semenanjung Malaysia dan Labuan (Tahun 2016) bagi PBT di Selangor.